

**PERBANDINGAN ANTARA PENDAPATAN JURUUKUR BAHAN DI FIRMA UKUR
BAHAN DAN FIRMA KONTRAKTOR**

AFZAL UMI BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada
Syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Juruukur Bahan adalah merupakan satu profesion yang terlibat di dalam industri pembinaan. Setiap Juruukur Bahan yang bekerja di firma Ukur Bahan dan firma kontraktor merupakan seorang pekerja yang tertakluk disisi undang-undang yang menjaga hak seorang pekerja di Malaysia. Sebagai seorang pekerja, Juruukur Bahan berhak memperolehi pendapatan yang sewajarnya daripada majikan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti pendapatan yang diperolehi oleh Graduan Juruukur Bahan dan Juruukur Bahan di firma Ukur Bahan dan firma kontraktor dari aspek pendapatan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan serta perbandingan pendapatan yang diperolehi oleh kedua-dua kategori Juruukur Bahan tersebut. Objektif kedua adalah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan yang diperolehi oleh Graduan Juruukur Bahan dan Juruukur Bahan. Skop kajian ini meliputi Graduan Juruukur Bahan dan Juruukur Bahan yang berkhidmat di firma Ukur Bahan dan firma kontraktor yang dipilih secara rawak untuk pengedaran borang soal selidik. Sebanyak 90 borang soal selidik di hantar kepada responden iaitu 40 firma Ukur Bahan dan 50 firma kontraktor untuk kedua-dua kategori. Terdapat dua jenis pendapatan iaitu pendapatan dari aspek kewangan dan aspek bukan kewangan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati Graduan Juruukur Bahan dan Juruukur Bahan di firma kontraktor mempunyai pendapatan dari aspek kewangan yang lebih tinggi berbanding firma Ukur Bahan. Manakala pendapatan dari aspek bukan kewangan yang terbahagi kepada persekitaran dan psikologi didapati Graduan Juruukur Bahan di firma kontraktor bersetuju memperolehi pendapatan dari segi psikologi lebih tinggi daripada Graduan Juruukur Bahan di firma Ukur Bahan. Bagi Juruukur Bahan pula, firma kontraktor adalah lebih tinggi dari aspek psikologi. Manakala dari aspek persekitaran pula menunjukkan Graduan Juruukur Bahan di firma Ukur Bahan lebih tinggi memperolehi pendapatan jenis ini berbanding firma kontraktor. Manakala bagi kategori Juruukur Bahan pula, firma Ukur Bahan adalah lebih tinggi berbanding firma kontraktor dari aspek persekitaran.

ABSTRACT

Quantity Surveyor is one of the professions that involved in construction industry. Every Quantity Surveyor that works in Quantity Surveying firm and contractor firm, they were classified as a workers that works behind law in Malaysia. As a worker, the Quantity Surveyor should get an income from the employer as a reward for their hard work. The objective of this research is to identify the income that the Graduate Quantity Surveyor and Quantity Surveyor from Quantity Surveying firm and contractor firm get from the aspect of income in form of financial and non financial, besides to compare the income got from the both categories. The second objective is to determine the factor that influences the income from the Graduate Quantity Surveyor and Quantity Surveyor. The scope of this research includes the Graduate Quantity Surveyor and Quantity Surveyor which work at Quantity Surveying firm and contractor firm. They were chosen randomly for answering the questionnaire. 90 questionnaire were delivered to the respondent which is 40 questionnaire were delivered to Quantity Surveying firm and 50 to contractor firm for both categories. There are two types of income which is the financial income and non financial income. Based on the research that had been done, the Graduate Quantity Surveyor and Quantity Surveyor in contractor firm more highly income from the financial aspects compared to Quantity Surveying firm. Meanwhile the income from the non financial can be divided to psychology and environmental. The respondents, Graduate Quantity Surveyor from the contractor firm agree receive more highly income from psychology aspect compared Graduate Quantity Surveyor from Quantity Surveying firm. For Quantity Surveyor, contractor firm more highly income from psychology aspect. In environment aspect, it show Graduate Quantity Surveyor from Quantity Surveying firm receive more highly income compared contractor firm. Meanwhile for Quantity surveyor, Quantity Surveying firm get more highly income compare to contractor firm in environment aspect.